Definisi DESTAR

Berdasarkan Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka (Edisi Keempat), destar bermaksud setangan kepala, tengkolok, kain (ikat) kepala. 'Destar Beranting-anting' dan 'Destar Berapi' pula biasanya dipakai oleh penari manakala 'Destar Bertatah' adalah destar yang disematkan perhiasan dan disebut sebagai jata. Bagi destar hitam berkotak pula, ia adalah destar untuk penghulu adat.

Perkataan destar juga bermaksud, hiasan khas yang digunakan untuk bahagian kepala dan dipakaikan paling atas kepala. Peralatan kepala tidak dikira sebagai destar kerana ia bukan hiasan. Perkataan ini juga digunakan oleh bangsa lain seperti dastar, desta, daastar. Selain itu, termasuk dalam Alam Melayu ialah tengkolok, tanjak, getam, semutar dan tengkolok perempuan.

According to the Dewan Bahasa Dan Pustaka Dictionary (Fourth Edition), destar refers to a headwrap, tengkolok or head scarf. Dancers usually wear Destar Beranting-anting and Destar Berapi, while Destar Bertatah is a destar adorned with decorations called jata. The checkered black destar is worn by Penghulu Adat, and Destar Pelangi is a multi-coloured destar.

The word destar also means unique adornment used for the head and worn on top of the head. A headgear is not considered a destar because it is not an ornament. The word is also used by other ethnic groups such as dastar, desta, daastar. Besides, in Malay, different terms for similar head ornaments are tengkolok, tanjak, getam, semutar and women's tengkolok.



LAMBANG DAN SIMBOL DALAM WARNA, CORAK DAN JENIS KAIN DESTAR

SYMBOLS IN THE COLOUR, PATTERN AND DESTAR FABRIC

Destar merupakan salah satu elemen yang penting dalam pakaian Melayu dan dipandang tinggi, bukan hanya berfungsi sebagai penutup kepala atau pakaian kepala tetapi lebih dari itu. Ia sebenarnya membawa lambang dan simbol tertentu berdasarkan pada bentuk, warna, corak dan jenis kain. Nama-nama destar yang pelbagai juga membawa maksud tertentu pada pemakainya, majlis serta masyarakat yang menerimanya.

Reka bentuk destar menjelaskan bahawa Raja-raja memakai destar dengan bentuk yang khusus untuk majlis dan suasana tertentu, begitu juga jenis kain dan warnanya. Kain-kain yang khusus hanya sesuai dan boleh dipakai oleh individu tertentu dalam majlis tertentu. Warna kuning Raja adalah warna yang sesuai bagi pertabalan seseorang Raja.

Dalam majlis yang membabitkan adat istiadat mencemar Duli Raja-raja, orang tertentu dan rakyat biasa hanya boleh memakai jenis destar dan warna yang tertentu sahaja. Pemakaian yang tidak mempertimbangkan hal tersebut bukan sahaja merosakkan majlis tetapi boleh juga menyebabkan seseorang yang melakukannya dianggap tidak mempunyai adab dan sopan santun seperti yang seharusnya..

Destar is an important element of the Malay attire and is also highly regarded, serving as a head cover and much more. It carries specific symbols and meanings based on its shape, colour, pattern and type of fabric. The various names of destar also have particular meanings for the wearer, occasion, and community that embraces them.

The design of the destar indicates that kings wear destars with specific shapes for specific ceremonies and occasions and the type of fabric and colours. Certain fabric types can only be worn by specific individuals for particular events. Royal yellow is particularly fitting for the coronation of a King.

When the King meets the people, only certain individuals and common people can wear specific destar and colours. Adherence to these guidelines disrupts the ceremony and may be perceived as needing more proper etiquette and decorum.

Tanjak

BUGIS TAK BALIK

Tanjak ini melambangkan orang Bugis yang sudah menukar warganegara dan kerakyatan kepada bangsa Melayu. Tanjak ini banyak dipakai di negeri-negeri yang mempunyai pengaruh Bugis seperti Selangor, Perak, Terengganu dan Johor. Antara pemakai tanjak Bugis Tak Balik ini adalah Tuan As-Sayyid As-Syarif Abu Bakar Masyhor bin Abu Bakar Sakran dan pada tahun 1914-1917 dipakai oleh D.Y.M.M Al-Marhum Sultan Mahmud Ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Al-Mu'adzam Shah. Tanjak ini juga pernah dipakai oleh pembesar dalam Kesultanan Selangor. Cara lipatannya ialah daunnya berlipat dan telunjuk sebelah kiri tegak keluar ke atas. Manakala untuk orang biasa hujung daun di tengah.

This tanjak symbolises Bugis individuals who have adopted Malay citizenship. It is commonly worn in states that have a high influence on Bugis culture, like Selangor, Perak, Terengganu and Johor. Among the wearers of the Bugis Tak Balik tanjak was Tuan As-Sayyid As-Syarif Abu Bakar Masyhor bin Abu Bakar Sakran, and in 1914-1917, it was worn by His Royal Highness the late Sultan Mahmud Ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Al-Mu'adzam Shah. The tanjak was also worn by dignitaries of the Selangor Sultanate. Its folding style involves folding the leaf and the index finger on the left side, sticking upwards. Meanwhile, for the common people, the tip of the leaf is folded in the middle.



Tanjak

PUCUK REBUNG

Bahagian pucuknya bermula dari bahagian dalam Gelembung Kasih yang melambangkan anak dari ibu mengandung yang dijaga rapi supaya menjadi seorang yang baik bila sudah besar. Pucuk Rebung bermaksud rebung yang masih muda pucuk pimpinan (pemerintahan) pusat atau tampuk kekuasaan (pimpinan) dan orang yang memegang jawatan tertinggi. Pucuk Rebung juga dimaksudkan sebagai tanpa yang awal maka tiada hasil untuk sekarang, maka jangan dilupakan asal-usulnya kerana tanpa pucuk tiadalah rebung. Pernah dipakai oleh Almarhum Sultan Badlishah Ibni Almarhum Sultan Sir Abdul Hamid Halim Shah, Sultan Kedah ke 27.

The top part begins from the inner side of Gelembung Kasih, symbolising a child in the womb being carefully nurtured to become a good person in the future. Pucuk Rebung means the young shoot of bamboo and represents leadership at the pinnacle of power or authority. Pucuk Rebung also symbolises that there would be no outcome in the present without a beginning. Hence, one should not forget his origins because, without the shoot, there would be no bamboo. It was also worn by the late Sultan Badlishah Ibni Almarhum Sultan Sir Abdul Hamid Halim Shah, the 27th Sultan of Kedah.



Tanjak

LANG PATAH SAYAP

Tanjak Lang Patah Sayap merupakan antara pakaian hulu rasmi terkini Y.A.M. Panglima Diraja Selangor. Ia diperbuat dari songket berwarna merah, iaitu warna yang melambangkan kuasa, kegagahan dan kepahlawanan Panglima Melayu. Reka bentuk destar ini walaupun nampak ringkas, namun kedudukan pucuk destar yang dipanggil pucuk sirih diletakkan di sebelah kanan manakala 'daun tajuknya' pula di sebelah kiri. Ini menunjukkan pemakainya adalah daripada kerabat Diraja.

Tanjak Lang Patah Sayap is one of the official headgear of Y.A.M. Panglima Diraja Selangor. It is made of red songket, representing power, courage and Malay warriors. Despite its seemingly simple design, the placement of the top of the destar, known as pucuk sirih is on the right side, and its 'daun tajuk' is on the left. This indicates that the wearer is from the royal family.



Tanjak

SEKELONGSONG BUNGA

Ikatan hulu jenis ini dipakai oleh kerabat Diraja dan Orang Besar Empat Negeri Pahang. Bentuknya agak ringkas dan bahagian daunnya melonjong ke atas dan bahagian bawahnya mengembang seperti sekelongsong bunga. Terdapat perbezaan antara destar yang dipakai oleh kerabat Diraja dengan orang biasa iaitu khususnya dari sudut posisi daun dan pucuk destar yang dipanggil 'sula'.

This type of headgear is worn by the Royals and top-ranking officials of Pahang. Its design is relatively simple, with the leaf portion tapering upwards and the bottom portion expanding like a flower bud. There is a difference between the destar worn by the Royal family and the common people, especially in the position of the leaf and the peak of the destar, commonly known as 'sula'.



TENGKOLOK ALANG

Bentuk destar ini diambil dari contoh pemakaian destar oleh Al-Marhum Sultan Abdul Samad ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim iaitu D.Y.M.M Sultan Selangor ke-4. Reka bentuk destar ini menggunakan kain Bugis dan diserikan dengan hiasan telepuk. Baginda dikatakan amat pandai mengikat destar sendiri.

The design of the destar is inspired by the style worn by the late Sultan Abdul Samad ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim, the 4th Sultan of Selangor. The destar design uses Bugis fabric and is embellished with telepuk adornment. His Royal Highness was renowned for his skill in tying his destar.



Tanjak

HELANG MENYUSUR ANGIN

Tanjak ini dipakai oleh D.Y.T.M. Raja Bendahara Badar Shah Ibni Almarhum Sultan Sir Ala'eddin Suleiman Shah pada 1936. Reka bentuknya yang unik menggambarkan seekor helang sedang terbang mengikut arah angin atau falsafahnya mengikut arus. Tanjak ini hanya dipakai ketika adat istiadat rasmi dan tidak dijadikan sebagai adat harian. Oleh sebab itu, simpulan tanjak ini berada di telinga kiri.

The tanjak was worn by D.Y.T.M. Raja Bendahara Badar Shah Ibni Almarhum Sultan Sir Ala'eddin Suleiman Shah in 1936. It features a unique design depicting an eagle soaring toward the wind or, philosophically, going with the flow. The tanjak is only worn during official occasions and it is not for everyday attire. Therefore, the knot is on the left ear.



Tanjak

BUGIS PERANAKAN

Tanjak ini dinamakan Bugis Peranakan kerana dipakai oleh orang Bugis yang berkahwin dengan orang Melayu. Ia lebih pada susur-galur orang Bugis yang lahir di luar Sulawesi ataupun di kawasan Kerajaan Melayu. Cara pemakaiannya adalah 'layar' diletakkan di sebelah kiri, simpulan di sebelah kanan, di atas telinga.

The tanjak is named Bugis Peranakan because it is worn by Bugis people who marry Malays. It is more about the lineage of Bugis people who were born outside of Sulawesi or in the Malay kingdom. The way it's worn is with the layar placed on the left and the knot on the right, above the ear.




Tanjak

BALUNG RAJA

Tanjak dari jenis kain songket berwarna kuning ini merupakan pakaian hulu rasmi D.Y.M.M Sultan Selangor. Tanjak ini dipakai oleh baginda di dalam Majlis Adat Istiadat Diraja Negeri Selangor seperti Istiadat Pertabalan, Hari Keputeraan dan lain-lain. Reka bentuk tanjak ini mengambil ilham dari reka bentuk tanjak Balung Ayam dari negeri Perak setelah terjalinnya perkahwinan Diraja antara Selangor dan Perak. Ianya diperkenalkan ketika era pemerintahan Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Ibni Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah.

The yellow songket fabric of tanjak is the official headgear of His Royal Highness, the Sultan of Selangor. It is worn during ceremonial events in Selangor, such as coronation ceremonies, the Sultan's Birthday celebrations and other official ceremonies. This tanjak design draws inspiration from the Tanjak Balung Ayam design from Perak following the royal marriage between Selangor and Perak. It was introduced during the reign of the late Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Ibni Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah.



Tanjak
BALONG AYAM

Tanjak Balong Ayam dengan warna latarnya yang berwarna putih, bersulam dengan benang kuning kencana ini pernah dipakai oleh Sultan Perak ke-32, Almarhum Sultan Yussuf Izzudin Shah Ibni Almarhum Sultan Abdul Jalil pada sekitar tahun 1950-an. Ayam menjadi haiwan inspirasi pilihan tukang buat destar negeri Perak, yang berkemungkinan disebabkan aktiviti menyabung ayam yang popular pada zaman dahulu.

Tanjak Balong Ayam, with its white background embroidered with golden threads, was once worn by the 32nd Sultan of Perak, the late Sultan Yussuf Izzudin Shah Ibni Almarhum Sultan Abdul Jalil, around the 1950s. The choice of a rooster as an inspiration for the destar craftsmen in Perak might be due to cockfighting activities in those days.



Tanjak

ANAK HELANG KEMBANG SAYAP

Tanjak ini dipakai oleh Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah Ibni Almarhum Sultan Sir Ala'eddin Suleiman Shah. Tanjak ini telah dipakai sekitar tahun 1934 .Ia hanya dipakai ketika menghadiri majlis adat istiadat rasmi dan tidak dipakai untuk harian.

The tanjak was worn by the late Sultan Hishamuddin Alam Shah Ibni Almarhum Sultan Sir Ala'eddin Suleiman Shah. It was worn around 1934 and was only worn during ceremonial occasions and not for everyday use



Tanjak

RAJA NAIK BERSIRAM

Ia dipakai sebaik sahaja Raja berangkat naik dari istiadat bersiram, sama ada sesudah selesai adat istiadat perkahwinan Diraja ataupun pertabalan yang menandakan Raja selamat bersiram. Destar jenis ini hanya dipakai oleh Raja yang memerintah. Putera atau cucunda baginda tidak boleh memakai destar jenis ini. Bentuk daunnya melonjong ke hadapan dan memakai dua pucuk destar yang disebut gading.

It is worn as soon as the King finishes the rural bathing ceremony, after a royal wedding ceremony or a coronation, signifying that the King has completed the bathing ritual. This type of destar is only worn by the ruling King. His sons or grandsons are not permitted to wear this type of destar. Putera atau cucunda baginda tidak boleh memakai destar jenis ini. Its leaf-shaped design extends forward, adorned with two peaks, known as gading.



Tanjak

HELANG TERBANG RENDAH

Tanjak Helang Terbang Rendah dipakai oleh Tengku Sri Perdana Diraja Selangor iaitu Tengku Uzab Shah Ibni Almarhum Sultan Sir Ala'eddin Suleiman Shah. Tanjak ini pernah dipakai sekitar tahun 1937. Ia dipakai ketika majlis adat istiadat rasmi dan tidak dipakai sebagai pakaian harian. Ikatan jenis ini juga pernah dipakai oleh pembesar Negeri Selangor pada tahun 1950-an hingga 1960-an.

Tanjak Helang Terbang Rendah was worn by Tengku Sri Perdana Diraja Selangor, Tengku Uzab Shah Ibni Almarhum Sultan Sir Ala'eddin Suleiman Shah. The tanjak had been worn around 1937. It is only worn during official occasions and is not an everyday attire. This knot style was also used by dignitaries of Selangor from the 1950s to 1960s.



Tanjak

PUCUK PISANG PATAH

Ikatan tanjak ini berasal dari Perak. Tanjak ini dipakai oleh Sultan Perak ke-31 iaitu Sultan Abdul Aziz Al Muktasim Billah Shah. Ikatan tanjak ini dikenali sebagai Pucuk Pisang Patah kerana pucuk rebungnya agak terjuntai ibarat pucuk pisang sudah patah. Ia juga disebabkan bahagian karangan difokuskan pada bahagian pucuknya.

This type of tanjak originates from Perak. Ikatan tanjak ini berasal dari Perak. The tanjak was worn by the 31st Sultan of Perak, Sultan Abdul Aziz Al Muktasim Billah Shah. The knot is known as Pucuk Pisang Patah because its peak seems to droop, resembling a broken banana shoot. This name is also attributed to the emphasis on the arrangement at the peak.



Tanjak

AYAM PATAH KEPAK



Tanjak Ayam Patah Kepak mula dikenali setelah dipakai oleh Almarhum Sultan Azlan Shah Ibni Almarhum Sultan Yusof Izzudin Syah Negeri Perak Ketika diikat oleh pengikat di Istana Iskandariah iaitu Al Marhum Raja Norman selaku panglima. Digelarkan sebagai Ayam Patah Kepak kerana rupa bentuknya seakan-akan kepak ayam yang patah. Baginda Tuanku Sultan telah menggayakannya sepanjang zaman pemerintahannya bermula tahun 1984 sehingga 2014..Terdapat perbezaan reka bentuk yang digunakan oleh seseorang Sultan dengan rakyat biasa iaitu terletak pada bahagian lebar lipatan. Kelebaran lipatan bagi tengkolok Tuanku Sultan adalah empat atau lima jari manakala rakyat biasa hanya tiga jari sahaja. Keunikan reka bentuk tanjak Ayam Patah Kepak terletak pada bahagian patah kepak. Tanjak yang digunakan oleh Sultan adalah berwarna putih bersulamkan benang perak. Penggunaan warna ini adalah dikhususkan untuk Raja Perak, manakala warna kuning adalah untuk Raja Muda Perak

Tanjak Ayam Patah Kepak gained recognition after it was worn by the late Sultan Azlan Shah Ibni Almarhum Sultan Yusof Izzudin Syah from Perak. The late Raja Norman, who served as a Panglima at the Iskandariah Palace, tied it. It earned the name Ayam Patah Kepak due to its shape, resembling a chicken's broken wings. His Royal Highness the Sultan wore it throughout his reign from 1984 to 2014..There is a distinction in the design used by a Sultan and the common people, particularly in the width of the fold. The width of the fold for Sultan's tengkolok is typically four or five fingers wide, whereas, for common people, it is just three fingers wide. The unique feature of a tanjak Ayam Patah Kepak design lies in the broken wing feature. The tanjak worn by the Sultan is typically white embroidered with silver thread. The choice of colour is specific for the Sultan of Perak, while yellow is reserved for the Raja Muda of Perak.

Tanjak

BALONG AYAM

Tanjak Balong Ayam dengan warna latarnya putih bersulam benang kuning kencana ini pernah dipakai oleh Sultan Perak ke-32, Almarhum Sultan Yussuf Izzudin Shah Ibni Almarhum Sultan Abdul Jalil iaitu pada sekitar tahun 1950-an. Ayam menjadi haiwan inspirasi pilihan tukang buat destar negeri Perak yang berkemungkinan disebabkan oleh aktiviti menyabung ayam yang popular pada zaman dahulu.

Tanjak Balong Ayam, with its white background embroidered with golden threads, was once worn by the 32nd Sultan of Perak, the late Sultan Yussuf Izzudin Shah Ibni Almarhum Sultan Abdul Jalil, around the 1950s. The choice of a rooster as an inspiration for the destar craftsmen in Perak might be due to cockfighting activities in those days.



Getam PEKASAM

Getam Pekasam yang dibawa pemakai membawa maksud tanggungjawab menutup sesuatu yang berbau busuk atau menutup aib malu atau menjaga aib pihak atasan, keluarga atau pesakit yang dirawat. Getam Pekasam merupakan salah satu reka bentuk tengkolok yang masih diguna pakai di kesultanan negeri Perak Darul Ridzuan. Reka bentuk Getam Pekasam ini digunapakai oleh bentara lelaki, jejawat iaitu pemegang tombak dan payung istiadat serta 'Orang Kalur' iaitu pemain nobat di Perak.

Terdapat dua ejaan bagi nama tengkolok iaitu Getam Pekasam dan Ketang Pekasam disebabkan perbezaan cara sebutan pengikat tengkolok pada zaman dahulu. Reka bentuknya menutupi keseluruhan kepala menyamai seperti kopiah, serban atau songkok. Ia diilhamkan daripada salah satu proses pembuatan makanan yang terkenal di negeri Perak iaitu ikan pekasam yang melalui satu proses pemerapan. Proses pemerapan ini dihasilkan dalam satu bekas tempayan khas dan tertutup. Proses pemerapan yang tertutup inilah menjadi salah satu sumber ilham bagi mereka bentuk tengkolok Getam Pekasam.

Reka bentuk Getam Pekasam mempunyai puncak kain yang berbentuk segi tiga yang menandakan bahagian hadapan. Bahagian dua tanduk kiri dan kanan melambangkan taraf Getam Pekasam yang lebih tinggi dari Getam Sehel ai Daun. Simbolik pada getam ini ialah sifat amanah yang mengkehendaki mereka memegang segala rahsia istana dari pengetahuan umum.




Getam PEKASAM

The Getam Pekasam when is worn by the wearer, symbolises the responsibility of concealing something that is unpleasant or covering up shameful secrets and safeguarding the dignity of superiors, family members or patients treated. Getam Pekasam is a type of tengkolok still in use in Perak Darul Ridzuan. The design of Getam Pekasam is used by male heralds, warriors holding spears and ceremonial umbrellas, and Orang Kalur, a nobat musician in Perak.

There are two spellings for this type of tengkolok, Getam Pekasam and Ketang Pekasam due to the differences in pronunciation of the tengkolok in the past. It covers the entire head like a kopiah, serban or songkok. It is inspired by one of the most famous food processing techniques in Perak, namely ikan pekasam, which undergoes a fermentation process. The fermentation process occurs in a unique closed clay container. It is this closed fermentation process that serves as inspiration for the design of the Getam Pekasam.

The design of Getam Pekasam has a triangular-shaped cloth peak that marks the front part. The two horns on the left and right symbolise Getam Pekasam's higher status than Getam Sehelai Daun. The symbolism of this getam is trustworthiness, which requires the wearer to keep all palace secrets from the people



Tanjak

LANG MENYONGSONG ANGIN NEGERI SEMBILAN

Reka bentuk Lang Menyongsong Angin menggambarkan seekor burung helang terbang melawan arus angin. Ada beberapa negeri yang berlainan mempunyai nama yang sama tetapi berlainan bentuk. Ia salah satu destar yang dipakai oleh orang kebanyakan. Namun ada satu pendapat mengatakan ia dipakai juga oleh hulubalang dan orang bersilat. Merupakan pecahan destar Solok Timba/Timbo. Dahulu, ia dipakai oleh Pegawai 99 di istana Negeri Sembilan dan boleh dipakai oleh rakyat biasa.

The shape of Lang Menyongsong Angin depicts an eagle flying against the wind. Several states have the same name for it but with different shapes. It is a destar worn by the common people. However, some also believe that warriors and silat exponents also wear it. It is a variation of the Solok Timba/Timbo destar. In the past, it was worn by the Pegawai 99 of the Negeri Sembilan Palace and can also be worn by common people.



Getam

TANJONG PENAGA

Getam ini pertama kali dipakai oleh Gabenor Pulau Pinang pertama iaitu Gabenor Raja Tun Uda Al-Haj Bin Raja Muhammad semasa pentadbiran beliau dari 31 Ogos 1957- 30 Ogos 1967 di Pulau Pinang. Ia merupakan sejenis getam yang bermaksud bekas penutup. Keunikan getam ini terletak pada lipatan getam tersisip kemas. Pucuk getam pula menghala ke bawah dan getam tertutup sepenuhnya.Tanjong Penaga merupakan nama asal Georgetown dan nama bagi penempatan awal masyarakat Melayu dahulu di Pulau Pinang sebelum dibuka kepada penjajah. Ia dinamakan sebagai Tanjung Penaga kerana ia merupakan sebuah tanjung yang banyak ditumbuhi oleh pohon liar yang dipanggil Penaga Laut dan sehingga kini sesetengah masyarakat di Pulau Pinang masih memanggilnya dengan nama 'tanjung'.

The getam was first worn by the first governor of Pulau Pinang pertama, Gabenor Raja Tun Uda Al-Haj Bin Raja Muhammad, during his tenure from 31 August 1957 to 30 August 1967 in Pulau Pinang. It is a type of getam, which means cover. The unique feature of the getam lies in its unique folds. The top of the getam points downwards, covering the head completely. Tanjung Penaga was the original name for Georgetown, and it was also an early settlement for the Malays in Pulau Pinang before it was opened to colonisers. It was called Tanjung Penaga because it was an abundant cape with wild trees called Penaga Laut, and until today, some people in Pulau Pinang still refer to it as tanjung.



Tanjak

PUTERA KAYANGAN

Tanjak ini pernah dipakai oleh Almarhum D.Y.M.M Tunku Syed Putra Ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail, Raja Perlis pada tahun 1957 sewaktu menandatangani pengisytiharan kemerdekaan Tanah Melayu. Perkataan 'putera' bermaksud anak raja lelaki manakala kayangan pula bermaksud tempat kediaman dewa-dewa atau keinderaan. Secara harfiah, nama tanjak Putera Kayangan dapat difahami sebagai anak raja lelaki yang duduk di negeri kayangan. Seperti tanjak Diraja yang lain warna latarnya adalah kuning Diraja. Keunikan tanjak pula terletak pada solekan bahagian daun destar yang menghala ke atas bahagian kiri. Simpulan yang digunakan adalah 'garam sebuku', dan ia mempunyai tiga lipatan asas pada bahagian bengkungnya.

This tanjak was worn by the late Tunku Syed Putra Ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail, the King of Perlis, in 1957 during the signing of the Declaration of Independence for Malaya. The word 'putera' refers to the son of a king, and 'kayangan' means abode of gods or heavenly realm. Literally, 'Tanjak Putera Kayangan' means the son of a king who resides in the heavenly realm. As with the other Royal tanjaks, its background colour is Royal yellow. The uniqueness of the tanjak lies in the arrangement of the destar leaf adornment, which slopes upwards to the left. The knot is called 'garam sebuku', with three basic folds on its girdle.



Getam BUDU

Destar ini adalah pakaian hulu untuk Orang-Orang Besar di istana Negeri Pahang dan juga Kelantan pada satu masa dahulu. Reka bentuk Getam Budu membakwa maksud bertanggungjawab menutup sesuatu sama ada aib atau rahsia. Bentuk destar ini menutup seluruh bahagian kepala pemakai yang membawa maksud menyimpan segala rahsia Diraja, pihak atasan, pihak bawahan dan lain-lain.

This destar is the upper garment for the Orang-orang Besar in the palaces of Pahang and Kelantan in the past. The Getam Budu design carries the meaning of being responsible for covering up something, whether it is shame or a secret. The shape of this headband covers the entire head of the wearer, which means keeping all the secrets of the Royal Family, superiors, subordinates and others.



Destar

SOLOK TIMBO

Destar Solok Timbo berasal dari Negeri Sembilan. Destar ini dipakai oleh orang kebanyakan tetapi juga dipakai oleh Dato'-dato' Adat iaitu Dato Penghulu Luak, Dato Lembaga dan Buapak. Reka bentuknya terbahagi kepada lima bahagian iaitu takuk atau tangga, tunas kasih, simpul kasih, gelembung kasih dan lambaian kasih. Reka bentuk destar Solok Timbo mempunyai persamaan dengan destar Dendam Tak Sudah tetapi berbeza pada kedudukan bahagian lambaian kasihnya. Kedudukan lambaian kasih Dendam Tak Sudah adalah di sebelah kanan kepala manakala Solok Timbo adalah di sebelah kiri.

Lambaian kasih adalah solek yang paling lebar pada bahagian hadapan destar dan dihujung reka bentuk mempunyai corak pucuk rebung. Gelembung kasih terletak di bahagian kiri kepala iaitu di atas telinga dan berbentuk seperti bucu yang tajam. Di bahagian depan destar mempunyai tiga bentuk lipatan yang dinamakan takuk atau tangga manakala dibahagian belakang destar terdapat tunas kasih berbentuk segi tiga kecil dan simpul kasih berbentuk satu genggaman. Destar ini biasa dipakai pada majlis-majlis rasmi seperti penerimaan anugerah dan pangkat serta acara rasmi lain. Pada zaman dahulu, ia menjadi salah satu hiasan kepala yang wajib digunakan dalam majlis perkahwinan.



Destar

SOLOK TIMBO

Destar Solok Timbo originates from Negeri Sembilan. The destar is worn by the common people and the Dato' Adat, namely Dato Penghulu Luak, Dato Lembaga and Buapak. The design consists of five parts: takuk or tangga, tunas kasih, simpul kasih, gelembung kasih and lambaian kasih. Solok Timbo design is similar to the Dendam Tak Sudah destar, but they differ in the position of the lambaian kasih. Lambaian kasih for Dendam Tak Sudah is on the right of the head, whereas Solok Timbo is on the left.

Lambaian kasih is the widest adornment on the front of the destar, and at its end, it features a pattern resembling a bamboo shoot. Gelembung kasih is on the left side of the head, above the ear, and shaped like a sharp point. At the front of the destar, there are three folds, known as takuk or tangga, while at the back, there is a small triangular-shaped tunas kasih and simpul kasih-shaped like a fist. This destar is typically worn during official occasions like award ceremonies, promotion ceremonies and other official occasions. In the past, it was one of the obligatory headgear decorations worn at weddings.



Tanjak

DENDAM TAK SUDAH

Cara pemakaian destar Dendam Tak Sudah adalah kedudukan pucuknya yang dipanggil 'tunas kasih' harus diletakkan tepat di atas mata kiri dan daun lambaian kasihnya pula dihalakan ke arah kanan. Tengkolok ini dipasang anak bulan pecah empat belas yang diperbuat dari emas putih dan di tengah-tengah bintang terletak lambang Kerajaan Malaysia yang berwarna-warni. Semenjak raja Negeri Sembilan yang kelapan iaitu Tuanku Abdul Rahman dilantik menjadi Yang Di-pertuan Agong Malaysia pada tahun 1957, destar "Dendam Tak Sudah" kekal menjadi warisan pakaian rasmi Yang Di-pertuan Agong Malaysia.

Destar Dendam Tak Sudah is the official headgear of His Royal Highness Yang di-Pertuan Besar of Negeri Sembilan. The design of the destar is based on 5 parts, lambaian kasih, lambaian ibu, gelembung kasih, kasih bertemu and takuk or tangga. In 1885 during the reign of the late Tuanku Muhammad Shah ibni Al-Marhum Tuanku Antah, the design of the Dendam Tak Sudah destar was first used.

The Dendam Tak Sudah destar is worn with the top knot, known as tunas kasih, positioned right above the left eye, and the daun lambaian kasih is pointed to the right. The tengkolok features a crescent moon made of white gold, with fourteen points, and in the centre is a colourful emblem of Malaysia's coat of arms. Since the eighth ruler of Negeri Sembilan, Tuanku Abdul Rahman, was appointed the Yang Di-Pertuan Agong Malaysia in 1957, the Dendam Tak Sudah destar remains a legacy of the official attire of the Yang Di-Pertuan Agong of Malaysia.



Tanjak

KACANG DUA HELAI DAUN

Destar yang pernah dipakai oleh Yang Dipertuan Besar Tuanku Abdul Rahman Ibni Almarhum Tuanku Muhammad. Baginda mengambil inspirasi dari daun kacang yang subur. Ia dipakai oleh baginda sahaja dan tidak dipakai oleh pemerintah selepasnya. Dahulu ia juga dipakai oleh kerabat Raja. Tanjak ini telah dibentuk oleh Ustaz Md. Isa bin Md. Ali. Dikatakan ia merupakan pecahan dari destar Dendam Tak Sudah.

The destar was once worn by the Yang Dipertuan Besar Tuanku Abdul Rahman Ibni Almarhum Tuanku Muhammad. His Royal Highness drew inspiration from the lush foliage of the bean. It was only worn by His Royal Highness and not worn by subsequent rulers. In the past, it was also worn by the royal family. The tanjak was designed by Ustaz Md. Isa bin Md. Ali is said to be derived from Dendam Tak Sudah destar.



Tanjak

BELALAI GAJAH

Tanjak Belalai Gajah merupakan pakaian rasmi diraja yang dipakai oleh D.Y.M.M Sultan Terengganu dan diperbuat dari kain songket bunga penuh warna kuning. Daun pada bahagian atas depan destar ini dibentuk secara menggulung ke atas, seakan-akan seekor gajah sedang melambung belalainya. Bahagian bawahnya pula terdapat tiga takuk lipatan dan pucuk destar yang disebut sula diletakkan pada sebelah kanan, melambangkan pemakainya adalah seorang raja. Tanjak Belalai Gajah dikaitkan juga dengan kisah Hang Tuah di Terengganu kerana kembangan tanjaknya.

Tanjak Belalai Gajah is an official royal attire worn by His Royal Highness the Sultan of Terengganu and is made from brightly coloured floral-patterned songket fabric. The leaves at the top front of the destar are rolled upwards, resembling an elephant raising its trunks. At the bottom are three folds, and the peak of the destar, known as sula, is positioned on the right, indicating that the wearer is a king. Tanjak Belalai Gajah is also associated with the tale of Hang Tuah in Terengganu due to its distinctive design.



Tanjak

TEMALONG BUDU

Destar jenis ini biasanya dipakai oleh pegawai-pegawai kerajaan berpangkat rendah dan orang biasa di Negeri Terengganu apabila mengadap D.Y.M.M. Sultan Terengganu untuk menerima anugerah pingat atau kurniaan negeri.

This type of destar is usually worn by low-ranked government officials and common people in Terengganu when in an audience with His Royal Highness Sultan of Terengganu to receive state medals and awards.



Tanjak

DAGANG SAKIT DI RANTAU

Ada juga datuk-datuk di Negeri Terengganu yang memakai destar yang diberi nama Dagang Sakit di Rantau berwarna kelabu dan perak.

There are also datuks in Terengganu who wear the destar known as Dagang Sakit di Rantau, which is grey and silver.



Tanjak PASSAPU



Tanjak Passapu ini merupakan sejenis tanjak yang didapati di Sulawesi suatu ketika dahulu dan kini tersebar melalui diaspora etnik Bugis Makassar ke sekitar Gugusan Kepulauan Melayu. Passapu pada awalnya diperbuat dari kulit kayu dengan bentuk menyerupai gelambir ayam jantan yang menggambarkan simbol kejantanan seekor ayam jago yang tidak kenal erti takut ketika bertemu pihak lawan. Passapu digunakan di dalam majlis-majlis rasmi dan adat. Ia juga digunakan oleh pesilat-pesilat sebagai simbol nilai-nilai keberanian dan kebenaran.

Passapu berasal dari kalimat "Pa'sapu ri pallawanna gau siturusan" yang bermaksud "Pa'sapu menjadi pagar (fungsi pengendali) segala perbuatan (yang memakainya)." Bagi mereka, Passapu penuh dengan makna dan menjadi lambang strata sosial yang diatur. Selain itu, passapu juga menjadi simbol kehormatan dan integriti.

Tanjak Passapu is a type of tanjak that originated from Sulawesi at some point and has now spread through the Bugis Makassar ethnic diaspora to the Malay Archipelago. Passapu was initially made of tree bark with shapes resembling a rooster's comb, representing the masculinity and fearlessness of a rooster that holds no fear when facing an opponent. Passapu is worn in official and traditional ceremonies. It is also worn by silat exponents to symbolise courage and righteousness.

Passapu originates from the phrase "Pa'sapu ri pallawanna gau siturusan", which means "Pa'sapu becomes the fence (control function) of all actions (that wear it)." To them, Passapu is filled with meanings and is the symbol of the structured social strata. Besides that, passapu is also a symbol of honour and integrity.

Tanjak

PANCUNG TAK BERTANYA

Tanjak ini dipakai oleh Dato' Maharajalela Pancung Tak Bertanya negeri Perak yang disebut di dalam sejarah Tanah Melayu. 'Pancung Tak Bertanya' bermaksud diberi hak mutlak oleh Laksamana supaya dibolehkan memancung atau membunuh seseorang semasa menjalankan tugas sebagai polis zaman dahulu tanpa perlu dibicarakan di mahkamah terlebih dahulu atau perlu kebenaran Sultan. Gelaran ini diberikan kepada Daeng Selili pada kurun 1700-an.

The tanjak was worn by Dato' Maharajalela 'Pancung Tak Bertanya' from Perak which is mentioned in the history of Malaya. 'Pancung Tak Bertanya' translates as having total authority granted by the Laksamana to be able to execute or behead anyone while carrying out the duties of a police officer in the past without the need for a court trial or permission from the Sultan. The title was bestowed upon Daeng Selili in the 1700s.



Tanjak
LAKSAMANA TERENGGANU

Destar ini diperbuat dari kain songket berwarna hitam berbenang emas ini berasal dari Negeri Terengganu. Pada masa dahulu, ia menjadi pakaian hulu rasmi Laksamana Terengganu. Warna rasminya adalah biru yang melambangkan laut selaras dengan tanggungjawab Laksamana mengawal laut. Pada masa sekarang, ikatan jenis ini dipakai oleh Menteri Besar Terengganu sebagai pakaian rasmi di majlis istiadat di istana Terengganu.

The destar is made from black songket fabric with golden threads and originates from Terengganu. Back then, it was considered the official headgear of Laksamana Terengganu. Its official colour is blue, symbolising the sea and being in line with the duty of a Laksmana to oversee the waters. The Menteri Besar of Terengganu wears this type of knot as the official attire for ceremonies at the Terengganu Palace.



Tanjak

TAKUR TUKANG BESI

Tanjak ini merupakan salah satu ibu tanjak yang paling tua. Mengikut kamus edisi keempat, 'takur' bermaksud tunduk atau merendah diri manakala tukang besi adalah orang yang pandai membuat alat dari besi. 'Takur Tukang Besi' bermaksud orang yang pandai tetapi merendah diri. Tanjak Takur Tukang Besi sudah wujud sebelum kurun 1800 lagi. Hasil kembangannya telah dikesan dipakai di Malaysia, Indonesia (Riau, Sumatera, Sulawesi dan Kalimantan) dan lain-lain pusat kerajaan Melayu zaman dahulu.

This tanjak is one of the oldest types of tanjak. According to the fourth edition of the dictionary, takur is to bow or humble oneself, while tukang besi is a blacksmith or someone skilled in crafting tools from iron. Thus, 'Takur Tukang Besi' means someone who is skilled yet humble. Tanjak Takur Tukang Besi has been around since before the 1800s. Its development can be observed in Malaysia, Indonesia (Riau, Sumatra, Sulawesi dan Kalimantan) and other Malay kingdoms.



Tanjak

SUMANGEK UGIK/ SEMANGAT BUGIS

Sumangek Ugik/Semangat Bugis dikatakan askar yang berdarah Bugis atau Melayu Bugis yang memakai baju merah ketat untuk pergi berperang dan mempunyai semangat yang tidak takut mati. Tanjak Semangat Bugis dipakai oleh askar yang berdarah Bugis atau Melayu Bugis dan memberikan semangat berperang.

Sumangek Ugik/Semangat Bugis refers to Bugis or Malay Bugis soldiers who wear tight red shirts for battle and possess a fearless spirit. Tanjak Semangat Bugis is worn by Bugis or Malay Bugis soldiers to encourage the fighting spirit within them.



Tanjak

MAHKOTA ALAM

Mahkota Alam ialah gelaran bagi seorang pemimpin yang sangat warak sehingga mampu mentadbir dua alam iaitu alam manusia dan jin. Tanjak Mahkota Alam adalah bersifat megah dan teguh.

Mahkota Alam is a title given to a leader who is so devout that he can govern the human and djinn realms. Tanjak Mahkota Alam is grand and steadfast.



Tanjak

GAJAH GEMULONG

Gajah Gemulong/ Gajah Gemulung bermaksud gajah yang gadingnya bergulung. Ia dipakai oleh orang yang berjasa besar dan telah menabur bakti pada masyarakat. Gading gajah yang bergulung hanya ada pada gajah yang sangat tua usianya. Gading bergulung ini melambangkan jasa dan bakti yang besar dalam tempoh yang lama sehingga akan diingati sampai bila-bila walau orangnya sudah meninggal dunia. Dalam naskah Hikayat Hang Tuah menerangkan jenis destar yang dipakai oleh Laksamana Hang Tuah. "Memakai destar bunga dikarang Gajah Gemulong."

Gajah Gemulong / Gajah Gemulung means an elephant with curled tusks. It is worn by individuals who have rendered outstanding service to the community. Only extremely old and mature elephants have curled tusks. These curled tusks symbolise contribution and service over a lengthy period that will always be remembered forever, even after the individual's demise. In the manuscript Hikayat Hang Tuah, the type of destar worn by Laksamana Hang Tuah is described as "Memakai destar bunga dikarang Gajah Gemulong." (Wearing a Gajah Gemulong destar adorned with flowers).



Tanjak

COGAN DAUN KOPI

Dipakai oleh K.D.Y.M.M. Sultan Pahang. Bentuknya seperti Lang Menyongsong Angin. Warna rasminya adalah kuning muda, namun begitu baginda lazimnya memakai warna-warna latar yang gelap. Bentuk ibu tanjak Pahang ini mudah dikenali dari bentuknya yang segitiga dan diikat secara menegak di atas dahi dan membiarkan bahagian kepala yang lain terdedah. Selain itu, reka bentuk bunga atau cogan daun kopi terletak di sebelah depan tanjak tersebut.

Worn by His Royal Highness, the Sultan of Pahang. It is shaped like Lang Menyongsong Angin (Eagle Flying Against the Wind). Its official colour is light yellow, but His Royal Highness always wears a darker background colour. The distinctive feature of the Pahang tanjak is its triangular shape, tied vertically above the forehead, exposing the rest of the head. Additionally, the floral motif designs or cogan daun kopi are placed on the front part of the tanjak.

